

02 APR 1997

Mahathir-Rai (Bergambar)

MAHATHIR DAN ISTERI RAI 190 KANAK-KANAK DI CARCOSA

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini meraikan kira-kira 190 orang kanak-kanak dari rumah-rumah kebajikan Selangor dan Wilayah Persekutuan sempena Hari Kanak-Kanak Sedunia, di Carcosa Seri Negara di sini.

Perdana Menteri juga menyampaikan cenderamata dan wang sebanyak RM15 seorang kepada semua kanak-kanak itu pada majlis itu anjuran bersama Badan Amal Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (BAKTI), Matsushita Air-Conditioning Group of Companies dan Carcosa Sdn Bhd.

Kanak-kanak itu adalah dari lima rumah kebajikan di sekitar Wilayah Persekutuan dan lapan lagi dari Selangor termasuk Rumah BAKTI, Rumah Kanak-Kanak Tengku Budriah dan Persatuan Kanak-kanak Spastik Petaling Jaya.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Siti Hasmah berkata golongan korporat dan individu perlu prihatin terhadap kanak-kanak yang kurang bernasib baik dengan memberi sumbangan moral, kewangan dan tenaga supaya mereka tidak ketinggalan dalam pembangunan masyarakat.

"Kita masih boleh berbangga kerana di Malaysia, hak kanak-kanak dilindungi secara perundangan dan pelaksanaan hak-hak itu perlu dipikul oleh ibu bapa, orang dewasa dan masyarakat umumnya," katanya.

Beliau berkata konsep tanggungjawab terhadap anak-anak tidak boleh disalahertikan dan ibu bapa tidak seharusnya memberikan kemewahan semata-mata tanpa mementingkan nilai kemesraan dalam membesarkan anak-anak mereka.

Pada majlis itu, Dr Siti Hasmah yang juga Yang Dipertua BAKTI menerima cek bernilai RM100,000 dari Pengarah Urusan Matsushita Ikuo Miyamoto, untuk diagih-agihkan sebagai sumbangan kepada rumah-rumah kebajikan. -- BERNAMA

WNZ NAK